

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)18

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

18. Dengan pertambahan penduduk menyebabkan berlakunya kesukaran untuk penduduk membuat laporan polis dan mereka terpaksa ke IPD Kepala Batas untuk sebarang urusan. Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut seumpama menaik taraf pondok polis di Pekan Penaga?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Pondok Polis Penaga merupakan satu daripada empat Pondok Polis yang berada di bawah pentadbiran Balai Polis Kepala Batas. Sekiranya berlaku kesukaran untuk membuat laporan di Pondok Polis Penaga, penduduk boleh berurusan di mana-mana balai polis yang berdekatan atau ke IPD SPU untuk membuat laporan.

Pihak PDRM sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan keperluan dan keselesaan penduduk di kawasan Penaga dan sekitarnya terjaga, termasuk berusaha mendapatkan peruntukan yang sewajarnya bagi menaik taraf balai polis sedia ada. Selain itu, rondaan berkala turut dilaksanakan oleh Balai Polis Kepala Batas di kawasan sekitar Penaga bagi memastikan

keselamatan penduduk terjamin dan sentiasa berada dalam keadaan baik.